

Headline	UPNM tuan rumah sukan lasak		
Date	20. Jun 2008	Language	MALAY
Media Title	Berita Harian	Page No	B8
Section	Sentral	Article Size	105 cm²
Circulation	217920	Frequency	Daily
Readership	2083000	Color	Full Color



UPNM tuan rumah sukan lasak

KUALA LUMPUR: Universiti Pertahanan Nasional Malaysia (UPNM) bakal melakar seja-hari apabila menjadi tuan rumah peringkat akhir kejohanan Malakoff University Duathlon Series 2008 (MUDS 2008), pada 2 Ogos depan.

Acara tahunan anjuran Malakoff Corporation Bhd bersama Power Bar adalah kali kedua selepas kejohanan pertama pada 2003 di Universiti Putra Malaysia (UPM).

Naib Canselor UPNM, Lt Jeneral Datuk Ir Ismail Samion, berkata pemilihan universiti itu sebagai pentas terakhir kejohanan meliputi tiga peringkat itu adalah satu penghormatan.

"Kami sebagai tuan rumah akan memastikan setiap peserta yang mengambil bahagian mendapat kemudahan dan keselesaan. UPNM juga akan memastikan pelajaranya mencatat penyertaan tertinggi dalam kejohanan kali ini," katanya ketika ditemui pada Majlis Taklimat dan Perasmian Untuk Media, di sini, semalam.

Katanya, pembabitan pelajar UPNM dalam kejohanan sukan lasak sebelum ini turut menjadi sandaran kemampuan mereka tampil mencabar dalam penganjuran MUDS 2008.

Sementara itu, Pengurus Pembangunan Produk Power Bar, Mohamad Rahimi Abdullah, berkata syarikatnya bersama Malakoff memperuntukkan lebih RM90,000 untuk menyediakan hadiah kepada pemenang dalam tiga peringkat kejohanan itu.

Rahimi berkata, kemuncak kejohanan MUDS 2008 pada 2 Ogos depan yang diadakan di UPNM memerlukan setiap peserta mengambil bahagian menyempurnakan larian sejauh lapan kilometer dan berbasikal sejauh 20 km.

Mereka yang berminat menyertai MUDS 2008 boleh mendapatkan borang penyertaan dengan memuat turun dari laman web www.duathlonseries.com atau menghubungi penganjur di talian 03-7873 0788.

Yuran pendaftaran RM20 untuk kategori universiti, RM40 untuk kategori terbuka manakala RM60 untuk berpasukan (dua orang satu pasukan). Setiap pembayaran boleh dibuat melalui cek atau bayaran bank ke nombor akaun 2-12200-0002225-0.